BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 01/09/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1930 pada hari Khamis, 29 Januari 2009

Perkembangan Monetari dan Kewangan Disember 2008
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Pada 21 Januari 2009, Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) diturunkan sebanyak 75 mata asas kepada 2.50%, manakala Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) diturunkan sebanyak 150 mata asas kepada 2.00%. Penurunan SRR ini akan mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009. Penurunan OPR dan SRR ini merupakan langkah awalan untuk menyediakan persekitaran monetari yang lebih menyokong permintaan dalam negeri.

- Pada bulan Disember 2008, pembiayaan bersih kepada sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal terus berkembang pada kadar tahunan 12.7%.

- Inflasi menjadi lebih sederhana kepada 4.4% pada bulan Disember, disebabkan terutamanya oleh beberapa pelarasan harga bahan api oleh Kerajaan dan kenaikan harga makanan yang lebih sederhana.

- Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing meningkat kepada 12.6% dan 10.5%.

- Nisbah pinjaman tak berbayar bersih menurun lagi kepada 2.2%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 01/09/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1930 pada hari Khamis, 29 Januari 2009

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
Disember 2008

Pada bulan Disember 2008, pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta meningkat kepada RM59 bilion. Pada asas bersih, pembiayaan kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul terus berkembang pada kadar tahunan 12.7%.

Pada tempoh 1 Disember 2008 hingga 21 Januari 2009, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.24% hingga 3.25%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain secara relatif stabil. Berikutan penurunan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 75 mata asas kepada 2.50% pada 21 Januari 2009, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman adalah lebih rendah dalam julat kecil 2.50% hingga 2.51% pada tempoh 22 Januari hingga 28 Januari. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain turut berada pada paras yang lebih rendah. Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan tidak berubah antara bulan Disember 2008 hingga 8 Januari 2009. Pada 8 Januari, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan terus berada dalam julat 3.01% hingga 3.50%. Sementara itu, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata lebih rendah pada 6.48% pada 8 Januari 2009, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) menurun kepada 5.86% pada bulan Disember 2008. Kadar pinjaman dijangka menurun lagi berikutan penurunan OPR pada bulan Januari 2009.

Pada tempoh 1 Disember 2008 hingga 28 Januari 2009, ringgit menambah nilai sebanyak 0.2% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (0.3%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau lain dalam julat 0.2% hingga 6.5%.

Inflasi menjadi lebih sederhana kepada 4.4% pada bulan Disember (November: 5.7%). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh beberapa pelarasan harga bahan api oleh Kerajaan dan kenaikan harga makanan yang lebih sederhana.

Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar tahunan 11.9% pada bulan Disember, mencerminkan pengeluaran deposit oleh Kerajaan untuk membiayai perbelanjaannya di samping pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi oleh bank.

Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing meningkat kepada 12.6% dan 10.5%. Sementara itu, nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih menurun lagi kepada 2.2%.

Kadar faedah menurun berikutan penurunan OPR

Pada tempoh 1 Disember 2008 hingga 21 Januari 2009, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.24% hingga 3.25%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain secara relatif stabil. Berikutan penurunan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 75 mata asas kepada 2.50% pada 21 Januari 2009, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman lebih rendah dalam julat kecil 2.50% hingga 2.51% pada tempoh 22 Januari hingga 28 Januari. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain turut berada pada paras yang lebih rendah.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan terus tidak berubah antara bulan Disember 2008 hingga 8 Januari 2009. Pada 8 Januari 2009, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan terus berada dalam julat 3.01% hingga 3.50%.

Bagi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata lebih rendah pada 6.48% pada 8 Januari 2009 (6.66% pada bulan November), sementara kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) menurun kepada 5.86% pada bulan Disember 2008 (5.98% pada bulan November) berikutan penurunan OPR pada bulan November. Kadar pinjaman dijangka menurun lagi berikutan penurunan OPR pada bulan Januari.



Kadar antara bank semalaman purata lebih rendah berikutan penurunan OPR



Kadar antara bank lain juga lebih rendah berikutan penurunan OPR



BNM terus menyerap mudah tunai lebihan



ALR bank perdagangan lebih rendah pada bulan Disember berikutan penurunan OPR

Keadaan Mudah Tunai



Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit menurun pada bulan Disember memandangkan deposit meningkat pada kadar lebih pantas berbanding dengan pinjaman dan pembiayaan keseluruhan

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Nov 08	3.03	3.06	3.16	3.22	3.60
Dis 08	3.01	3.04	3.11	3.14	3.50
15 Jan 09	3.01	3.04	3.11	3.14	3.50

Kadar FD purata lebih rendah pada bulan Disember

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



Kadar FD benar negatif lebih kecil berikutan inflasi yang lebih rendah

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang

Pada tempoh 1 Disember 2008 hingga 28 Januari 2009, ringgit menambah nilai sebanyak 0.2% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS). Pada bulan Disember, ringgit dan kebanyakan mata wang menambah nilai berbanding dengan dolar AS disebabkan oleh jangkaan pasaran bahawa langkah-langkah dasar yang agresif oleh pihak berkuasa AS akan meredakan kebimbangan yang menyelubungi ekonomi AS dan global. Walau bagaimanapun, kekukuhan mata wang serantau berbanding dengan dolar AS tidak bertahan lama kerana data yang diterbitkan selepas itu menunjukkan kemerosotan ekonomi AS dan global yang lebih ketara. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan paun sterling (8.5%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-6.2%) dan euro (-2.3%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (0.3%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau lain dalam julat 0.2% hingga 6.5%.



Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS dan paun sterling tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun dan euro



Ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 07	Nov 08	Dis 08	28 Jan 09	Akhir Dis 07 - 28 Jan 09	Akhir Nov 08 - 28 Jan 09
Dolar AS	3.3065	3.6175	3.4640	3.6095	-8.4	0.2
Euro	4.8756	4.6660	4.8759	4.7772	2.1	-2.3
Paun sterling	6.6070	5.5684	4.9989	5.1302	28.8	8.5
100 yen Jepun	2.9534	3.7965	3.8327	4.0486	-27.1	-6.2
Dolar Singapura	2.2938	2.4003	2.4070	2.4049	-4.6	-0.2
100 baht Thailand	9.8159	10.200	9.9398	10.344	-5.1	-1.4
100 peso Filipina	8.0158	7.4038	7.2774	7.6855	4.3	-3.7
100 rupiah Indonesia	0.0352	0.0297	0.0316	0.0318	10.8	-6.5
100 won Korea	0.3532	0.2480	0.2750	0.2606	35.6	-4.8
Renminbi China	0.4527	0.5296	0.5076	0.5277	-14.2	0.3

Inflasi menjadi lebih sederhana

Inflasi menjadi lebih sederhana kepada 4.4% pada bulan Disember (November: 5.7%). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh beberapa pelarasan harga bahan api oleh Kerajaan. Dengan harga RON97 berada pada RM1.80 seliter, harga bahan api kini lebih rendah berbanding dengan paras sebelum kenaikan harga pada bulan Jun 2008. Susulan itu, harga dalam kategori *pengangkutan* merosot 0.3% pada bulan Disember (November: 6.2%) dan merupakan 79.5% daripada penurunan dalam inflasi pada bulan tersebut. Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tidak beralkohol* juga terus sederhana dan meningkat lebih perlahan pada kadar 10.4% pada bulan Disember (November: 11.0%).

Inflasi menurun lagi kepada 4.4% pada bulan Disember





Harga pengeluar merosot pada bulan November

Inflasi harga pengeluar menjadi negatif pada bulan November, merosot kepada -0.2% (Oktober: 3.3%). Kadar pertumbuhan bagi empat komponen dalam indeks harga pengeluar (IHPR) menjadi negatif sementara komponen-komponen lain menunjukkan kenaikan harga yang lebih perlahan. Inflasi dalam komponen IHPR berasaskan komoditi merosot dengan ketara kepada -2.3% (Oktober: 7.6%), manakala inflasi dalam komponen IHPR bukan berasaskan komoditi menjadi lebih sederhana kepada 0.7% (Oktober: 1.6%).

Mengikut komposisi, komponen-komponen IHPR tempatan dan diimport mencatat kadar inflasi negatif. Pada bulan November, komponen-komponen IHPR tempatan dan diimport merosot kepada -0.2% (Oktober: masing-masing 4.3% dan 1.5%).



Harga pengeluar merosot pada bulan November

Agregat monetari bertambah pada bulan Disember

Pada bulan Disember, wang secara luas atau M3 bertambah RM22.5 bilion untuk mencatat kadar pengembangan tahunan sebanyak 11.9%. Peningkatan dalam M3 ini disokong oleh pengeluaran deposit oleh Kerajaan untuk membiayai perbelanjaannya. M3 juga bertambah disebabkan oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi oleh bank. Sementara itu, aliran keluar asing bersih terus memberikan kesan penguncupan terhadap M3. Namun begitu, kesan aliran keluar adalah lebih kecil pada bulan Disember berbanding dengan bulan-bulan sebelumnya memandangkan jumlah aliran keluar menjadi lebih sederhana.

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Sep 08	**Okt 08**	**Nov 08**	**Dis 08**
M3	8.2	-12.3	8.8	22.5
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	10.7	-3.7	5.2	21.6
Tuntutan ke atas sektor swasta	8.0	5.4	10.9	2.7
Pinjaman	*4.9*	*1.8*	*7.5*	*1.6*
Sekuriti	*3.2*	*3.6*	*3.4*	*1.1*
Aset luar bersih *	-28.3	-22.7	-12.1	-4.0
Pengaruh lain	17.8	8.6	4.8	2.3

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



Deposit sistem perbankan meningkat dengan ketara

Pada bulan Disember, jumlah deposit dengan sistem perbankan meningkat dengan ketara sebanyak RM29.3 bilion atau 11.9% pada kadar tahunan (November: RM9.6 bilion; 12.4%). Penambahan deposit disebabkan oleh pembayaran bagi perbelanjaan oleh Kerajaan terutamanya untuk projek pembangunan dan bayaran bonus kepada kakitangan awam pada bulan itu. Mengikut pelanggan, institusi kewangan dan perusahaan perniagaan membuat deposit yang lebih tinggi, manakala individu pula menyumbangkan bahagian yang lebih kecil. Mengikut jenis, peningkatan deposit terutamanya adalah dalam bentuk deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit permintaan.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Sep 08	**Okt 08**	**Nov 08**	**Dis 08**
Kerajaan Persekutuan	-1,533	-884	1,847	622
Kerajaan Negeri	-837	-111	-354	230
Badan Berkanun [1]	-305	617	2,517	-1,272
Institusi Kewangan	10,998	-7,080	-642	13,789
Perusahaan Perniagaan	-5,528	-1,050	2,797	13,348
Individu	4,701	356	2,814	5,039
Lain-lain [2]	1,623	-530	623	-2,453
Jumlah	9,118	-8,682	9,603	29,303

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Sep 08	**Okt 08**	**Nov 08**	**Dis 08**
Deposit tetap	2,390	3,686	629	4,423
NID	5,252	-532	1,415	4,913
Deposit permintaan	260	-3,057	466	6,118
Deposit tabungan	820	-593	-258	2,047
Perjanjian beli balik (Repo)	779	-2,661	-808	-12
Deposit mata wang asing	1,080	837	316	-995
Deposit SPI	-1,540	651	6,327	4,934
Lain-lain[1]	78	-7,013	1,515	7,876
Jumlah	9,118	-8,682	9,603	29,303

1/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Aktiviti pembiayaan kasar lebih tinggi

Pada asas bersih, pembiayaan kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul terus berkembang pada kadar tahunan 12.7% (November: 13.1%). Pada asas kasar, pembiayaan yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM59 bilion pada bulan Disember (November: RM53.2 bilion). Pengeluaran pinjaman dan terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) baharu meningkat pada bulan tersebut.



[1] Tidak termasuk terbitan pelabur asing

Pembiayaan kasar meningkat



Pengeluaran pinjaman lebih tinggi pada bulan Disember…

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Sep-08	Okt 08	Sep-08	Okt 08
Jumlah				
Permohonan pinjaman	35.7	32.2	-32.6	-18.8
Kelulusan pinjaman	21.2	20.5	-44.0	-23.7
Pengeluaran pinjaman	52.4	55.2	7.5	4.8
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	8.0	3.2	10.7	12.8
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	17.5	15.6	-49.2	-33.7
Kelulusan pinjaman	9.6	10.8	-64.5	-37.9
Pengeluaran pinjaman	37.2	39.3	9.1	3.0
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-0.7	-0.4	7.8	13.2
PKS[2/]				
Permohonan pinjaman	6.9	6.0	-35.7	-18.1
Kelulusan pinjaman	4.0	4.1	-29.2	4.3
Pengeluaran pinjaman	12.7	13.4	-3.4	8.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.3	-0.4	10.2	9.4
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	18.2	16.5	-1.6	3.2
Kelulusan pinjaman	11.6	9.7	6.9	2.3
Pengeluaran pinjaman	15.2	15.9	3.7	9.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.3	3.0	9.0	9.1

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

…untuk sektor perniagaan dan isi rumah



Pengeluaran pinjaman masih lagi menyeluruh

Kelulusan pinjaman kepada sektor perniagaan meningkat pada asas bulanan dan ini terutamanya kepada sektor *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan*. Pengeluaran pinjaman juga lebih tinggi dengan sebahagian besar daripadanya disalurkan kepada sektor *perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel*; *pembinaan* dan juga sektor *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi*. Pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi telah menyebabkan pinjaman terkumpul sektor perniagaan berkembang pada kadar tahunan 13.2% (akhir bulan November: 7.8%).

Permintaan sektor isi rumah terhadap pembiayaan meningkat dengan lebih perlahan pada bulan Disember. Walau bagaimanapun, pengeluaran pinjaman adalah lebih tinggi pada bulan itu terutamanya kerana peningkatan dalam perbelanjaan kad kredit dan pinjaman peribadi. Pada asas bersih, pinjaman terkumpul isi rumah terus berkembang pada kadar tahunan 9.1% pada akhir bulan Disember (akhir bulan November: 9.0%).

Dana bersih yang lebih rendah diperoleh dalam pasaran modal

Pada bulan Disember, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal ketara lebih rendah dan berjumlah RM217 juta. Aktiviti pemerolehan dana dalam sektor swasta bertambah giat dengan dana kasar diperoleh berjumlah RM3.8 bilion. Sejumlah besar daripada terbitan PDS diperoleh dalam sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan untuk tujuan membiayai aktiviti baharu. Selepas membuat penyelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM171 juta. Dana bersih yang diperoleh sektor awam lebih rendah disebabkan oleh penebusan yang lebih besar pada bulan Disember.



1/ Termasuk Cagamas Bon

KLCI meningkat pada bulan Disember

Pada bulan Disember, KLCI meningkat sedikit untuk ditutup pada 876.8 mata (sejak akhir November: 1.2%). Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh sokongan saham sektor perladangan berikutan harga minyak sawit mentah yang lebih tinggi. Permodalan pasaran meningkat kepada RM663.8 bilion (sejak akhir November: 1.1%), manakala urus niaga purata harian menurun dengan ketara kepada 393.6 juta unit (November: 750.0 juta unit).



KLCI meningkat sedikit pada bulan Disember

Pada 28 Januari, KLCI ditutup lebih tinggi pada 879.6 mata (sejak akhir Disember: 0.3%). Permodalan pasaran keseluruhan lebih tinggi pada RM664.9 bilion (sejak akhir Disember: 0.2%) dan urus niaga purata harian meningkat kepada 542.7 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM316.8 bilion (bersamaan dengan USD91.3 bilion) pada 31 Disember 2008. Paras rizab pada 31 Disember 2008 telah mengambil kira pengurangan nilai rizab disebabkan oleh pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan beberapa mata wang utama pada suku tersebut. Pada 15 Januari 2009, rizab antarabangsa berjumlah RM317.2 bilion (bersamaan dengan USD91.5 bilion). Paras rizab antarabangsa ini memadai untuk membiayai 7.3 bulan import tertangguh dan ialah 3.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin

Sistem perbankan terus mempunyai modal yang kukuh dalam keadaan paras pinjaman tak berbayar yang terus menurun

Kedudukan sistem perbankan terus kukuh. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing meningkat kepada 12.6% dan 10.5% disebabkan oleh penambahan yang kecil dalam modal asas berikutan pengembangan modal oleh beberapa institusi perbankan. Pinjaman tak berbayar terus berkurang dengan nisbah pinjaman tak berbayar bersih menurun lagi kepada 2.2%, hasil daripada penyusunan semula serta pengelasan semula pinjaman tak berbayar kepada pinjaman berbayar yang berterusan.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2000	2001	2002	2003	2004	2006	2007	Okt 08	Nov 08	Dis 08
Modal (%) **										
Nisbah modal teras	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.4	10.4	10.5
RWCR	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	12.7	12.5	12.6
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	2.4	2.4	2.2
Jumlah (RM juta)	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	20,011	16,878	16,780	15,900
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Jadual ini termasuk bank-bank Islam.
** Mulai Mac 2008, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras mengambil kira institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard di bawah Basel II



Permodalan sistem perbankan terus kukuh...

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



…dan NPL terus berada pada paras rendah

Bank Negara Malaysia
29 Januari 2009

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Okt 08		Nov 08		Dis 08	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		69.5	16.0	69.1	10.3	68.5	7.2
M1		172.7	8.6	176.2	11.1	183.0	8.3
M2		870.8	13.3	880.9	14.4	903.4	13.4
M3		900.4	11.5	909.2	12.5	931.8	11.9
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		933.5	10.9	943.1	12.4	972.4	11.9
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		715.3	10.3	723.4	10.7	726.6	12.8
Nisbah pinjaman-deposit (%)		75.3		75.4		73.5	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		83.3		83.3		81.1	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		35.6	-7.9	35.7	-32.6	32.2	-18.8
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		20.0	-14.4	21.2	-44.0	20.5	-23.7
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		52.6	8.2	52.4	7.5	55.2	4.8
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		49.9	12.6	43.0	-3.3	51.1	-21.4
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		12.7		12.5		12.6	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		2.4		2.4		2.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		345.5		336.4		316.8	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		100.2		97.7		91.3	
Bilangan bulan import tertangguh		8.1		7.8		7.3	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.45		3.25	
Antarabank:	Semalaman	3.49 [3.50]		3.24 [3.45]		3.25 [3.25]	
	Seminggu	3.52 [3.52]		3.27 [3.52]		3.27 [3.27]	
	1 bulan	3.57 [3.57]		3.31 [3.49]		3.30 [3.30]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.08		3.03		3.01	
	3 bulan	3.14		3.06		3.04	
BLR bank perdagangan		6.72		6.66		6.48	
ALR bank perdagangan		6.01		5.98		5.86	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		114.2	7.6	112.9	5.7	111.8	4.4
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		139.4	3.3	136.5	-0.2	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.5625		3.6175		3.4640	
Euro		4.5794		4.6660		4.8759	
Paun Sterling		5.8382		5.5684		4.9989	
100 Yen Jepun		3.6127		3.7965		3.8327	
Dolar Singapura		2.4050		2.4003		2.4070	
100 Baht Thailand		10.171		10.2002		9.9398	
100 Peso Filipina		7.2767		7.4038		7.2774	
100 Rupiah Indonesia		0.0325		0.0297		0.0316	
100 Won Korea		0.2787		0.2480		0.2750	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	7.5		6.3		0.05	
	swasta	1.9		-1.6		0.2	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		863.6		866.1		876.8	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		655.3		656.6		663.8	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.